



KENYATAAN MEDIA

12 OKTOBER 2025

**SELANGOR MELAHIRKAN 97 PEMIMPIN WANITA MELALUI AKADEMI KEPIMPINAN
WANITA KOHORT 4 2024/2025**

1. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga dan agensi Wanita Berdaya Selangor telah melahirkan 97 pemimpin wanita yang telah melalui Akademi Kepimpinan Wanita Kohort 4 2024/2025 demi meningkatkan representasi wanita di peringkat pembuatan keputusan.
2. Sepanjang tempoh setahun ini, para graduan telah mengikuti empat modul utama pembelajaran yang merangkumi kemahiran insaniah, kemahiran organisasi, asas pengenalan politik dan kemahiran gender bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan yang menyeluruh.
3. Inisiatif Akademi Kepimpinan Wanita ini dirangka khas untuk berperanan berperanan sebagai “*talent pipeline*” untuk melahirkan pemimpin wanita berkemahiran tinggi bagi mengisi jawatan penting dalam pentadbiran awam dan sektor strategik Selangor dalam tempoh lima sehingga sepuluh tahun akan datang.
4. Sejak program ini mula dilaksanakan pada tahun 2019, kini sudah terdapat 345 orang dalam rangkaian alumni Akademi Kepimpinan Wanita. Program ini selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Selangor yang digariskan dalam Matlamat 4 Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026 iaitu mempercepatkan penyertaan, perwakilan dan pembuatan keputusan dalam kehidupan awam dan politik dalam kalangan wanita.
5. Akademi Kepimpinan Wanita merupakan antara strategi utama dalam usaha Kerajaan Negeri membina barisan kepimpinan wanita berkaliber untuk memenuhi sasaran sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita dalam pembuatan dasar menjelang tahun 2030. Langkah ini membuktikan komitmen Selangor untuk melahirkan kepimpinan yang seimbang, progresif dan berpaksikan nilai keadilan gender.

ANFAAL BINTI SAARI

EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat